Pendakwa Raya lwn Noor Hafidah bte Yeop Mat Isa dan lain-lain

MAHKAMAH TINGGI (IPOH) — PERBICARAAN JENAYAH NO 45–23 TAHUN 2005 DAN 45–24 TAHUN 2005
MOHD AZMAN PK
5 FEBRUARY 2007

Prosedur Jenayah — Penghukuman — Kesalahan homisid salah tidak terjumlah kepada pembunuhan — Sama ada hukuman yang dikenakan adalah wajar

Tertuduh pertama telah dituduh bersubahat dengan tertuduh kedua dan ketiga melakukan kesalahan homisid salah tidak terjumlah kepada pembunuhan yang menyebabkan kematian si mati. Tertuduh pertama dikatakan telah menyuruh anaknya tertuduh kedua, tertuduh ketiga dan seorang bernama Uda untuk mencederakan tangan, kaki dan badan si mati serta kalau perlu bunuhnya kerana tertuduh pertama tidak mahu melihat si mati berada di tempat kerjanya di Miki Lounge. Ketiga-tiga tertuduh mengaku salah kepada pertuduhan pindaan. Tertuduh pertama dikenakan hukuman penjara tujuh setengah tahun berkuatkuasa dari tarikh ditangkap, manakala tertuduh kedua dan ketiga masing-masing dikenakan hukuman penjara 11 tahun berkuatkuasa dari tarikh ditangkap. Pendakwa Raya merayu ke atas hukuman-hukuman tersebut.

Keterangan berikut telah diketengahkan: (1) semua tertuduh telah memberi kerjasama penuh kepada pihak polis; (2) semua tertuduh adalah dari keluarga miskin dan latar belakang yang susah; (3) suami kedua tertuduh pertama telah meninggal dunia ketika beliau direman di penjara; (4) tertuduh pertama tiada rekod kesalahan lampau sebelum kesalahan ini; (5) meskipun tertuduh kedua dan ketiga ada kesalahan lampau, ia bukan kesalahan di bawah s 304 Kanun Keseksaan; (6) latar belakang tertuduh pertama dan penglibatannya dalam kes ini adalah terhad; (7) SP7 adalah rakan sejenayah, maka keterangannya perlu diteliti dengan berhati-hati; (8) tertuduh pertama adalah seorang perempuan yang lemah dan daif; (9) anak tertuduh pertama iaitu tertuduh kedua memberitahu tertuduh pertama tidak terlibat membunuh; dan (10) tertuduh kedua dan ketiga insaf dan meminta hukuman yang ringan.

Diputuskan, mengesahkan hukuman:

Faktor kepentingan awam adalah asas kepada penghukuman. Kesalahan yang dilakukan oleh semua tertuduh dalam kes ini adalah serius. (lihat perenggan 29). Mahkamah berpendapat hukuman yang dikenakan adalah munasabah dan wajar, tidak melampau atau tidak terlalu ringan (lihat perenggan 31).

[English summary

The accused was charged with abetting together with the second and third accused in committing the offence of culpable homicide not amounting to murder which

caused the death of the deceased. The first accused was alleged to have ordered her son the second accused, the third accused and a person called Uda to injure the deceased's hands, legs and body and if necessary kill her as the first accused did not want to see the deceased in her work place at Miki Lounge. All three accused pleaded guilty to the amended charge. The first accused was sentenced to 7 ½ years imprisonment effective from the date of arrest, whilst both second and third accused was sentenced to 11 years imprisonment effective from the date of arrest. The Public Prosecutor appealed against the sentences.

The following evidence was adduced: (1) the accused persons had given their co-operation with the police; (2) the accused persons was from a poor family and had a difficult background; (3) the second accused person's husband had past away when she was remanded in prison; (4) the first accused had no record of any previous convictions before this; (5) although the second and third accused had previous convictions, it was not an offence under s 304 of the Penal Code; (6) the first accused person's background and her involvement in this case was limited; (7) SP7 was a partner in crime, thus his evidence had to be scrutinise carefully; (8) the first accused person was a frail and nave person; (9) the first accused's son, ie the second accused testified that the first accused was not involved in the murder; and (10) the second and third accused persons felt remorse and prayed for a lesser punishment.

Held, affirming the sentence:

The public interest factor is fundamental in sentencing. The offence committed by all the accused in this case was serious (see para 29). The court was of the opinion that the sentence imposed was reasonable and fair, not excessive or too lenient (see para 31).]

Notes

For a case on culpable homicide not amounting to murder, see 5(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2004 Reissue) para 3341.

Cases referred to

Chandra Sekaran a/l Ramiyah & Anor v PP [2000] 3 MLJ 649 (dirujuk)
Ganesan a/l Nachiappan & Ors v PP [2000] 3 MLJ 244 (dirujuk)
Lian Kian Boon v PP [1991] 1 MLJ 51 (dirujuk)
Nandakumar a/l Govindasamy v PP [1999] 1 MLJ 613 (dirujuk)
Ng Yau Thai v PP [1987] 2 MLJ 214 (dirujuk)
PP v Edmund Jammy Ngali & Anor [1995] 4 MLJ 641 (dirujuk)
PP v Leo Say & Ors [1988] CLJ 688 (dirujuk)
PP v Loo Choon Fatt [1976] 2 MLJ 256 (dirujuk)
PP v Nasir bin Malik [1995] 3 MLJ 637 (dirujuk)
PP v Ravindran & Ors [1993] 1 MLJ 45 (dirujuk)
PP v Saiful Afikin bin Mohd Firus [1996] 4 MLJ 309 (dirujuk)
PP v Selvraj Subramaniam [1985] 2 MLJ 190 (dirujuk)
PP v Soh Soo Yang & Anor [2001] 5 MLJ 356 (dirujuk)
PP v Soo Tai Eng [2005] 7 CLJ 218 (dirujuk)
PP v Tai You Choy [1982] CLJ 78 (dirujuk)

PP v Tay Chuan Beng & Anor [1989] 1 MLJ 403 (dirujuk)
PP v Tunku Mahmood Iskandar [1977] 2 MLJ 123 (dirujuk)
R v Ball 35 Cr App R 164 (dirujuk)
Yit Kean Hong v PP [2005] 4 CLJ 592 (dirujuk)

Legislation referred to
Kanun Acara Jenayah ss 113, 294
Kanun Keseksaan ss 109, 302, 304(a), 307, 376

Abdul Rashid bin Daud (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak pendakwaan.
Lal Harcharan Singh (Shivdev Singh bersama beliau) bagi pihak tertuduh pertama.
Ranjit Singh bagi pihak tertuduh kedua.
Manjit Kaur bagi pihak tertuduh ketiga.

Mohd Azman Husin PK:

[1] Dalam kes ini responden/tertuduh pertama dituduh di Mahkamah Tinggi Ipoh atas pertuduhan pindaan yang berbunyi:

> Bahawa Mohd Shaifuldin bin Khairudin dan Abdul Rahim bin Mohd Ali telah pada 8 Februari 2003 jam lebih kurang 2 petang bertempat di rumah No 35, Laluan Pengkalan Barat 6, Taman Puteri Lindungan Bulan, Pasir Puteh, Ipoh di dalam Daerah Kinta, dalam Negeri Perak Darul Ridzuan telah melakukan pembunuhan ke atas Sa'adah bte Wahid KPT 660320-08-7066, bahawa kamu telah bersubahat dengan Mohd Shaifuldin bin Khairudin dan Abdul Rahim bin Mohd Ali dalam melakukan kesalahan bunuh tersebut, yang mana kesalahan bunuh tersebut dilakukan akibat dari persubahatan kamu dan oleh yang demikian kamu telah melakukan yang boleh dihukum di bawah s 109 Kanun Keseksaan dan s 304 (a) Kanun yang sama.

[2] Responden/tertuduh kedua dan ketiga dituduh atas pertuduhan pilihan yang berbunyi seperti berikut:

> Bahawa kamu bersama-sama pada 8 Februari 2003, jam lebih kurang 2 petang di rumah No 35, Laluan Pengkalan Barat 6, Taman Puteri Lindungan Bulan, Pasir Puteh, Ipoh di dalam Daerah Kinta di dalam Negeri Perak, bagi mencapai niat bersama kamu telah melakukan kesalahan homisid salah yang tidak terjumlah kepada pembunuhan dengan menyebabkan kematian Sa'adiah bte Wahid, KPT No 660320-08-7066 dan perbuatan yang menyebabkan kematian itu dilakukan dengan niat menyebabkan kecederaan tubuh badan yang mungkin menyebabkan kematian, oleh yang demikian kamu telah melakukan kesalahan yang boleh dihukum di bawah s 304(a) Kanun Keseksaan dan dibaca bersama s 34 Kanun yang sama.

[3] Selepas sembilan orang saksi memberi keterangan perayu/pendakwaan menawarkan pertuduhan pindaan kepada responden/tertuduh pertama, kedua dan ketiga. Ketiga-tiga tertuduh mengaku salah kepada pertuduhan pindaan dan mereka faham segala sifat dan akibat pengakuan, responden/tertuduh pertama dituduh dengan pertuduhan asal di bawah ss 109 dan 302 Kanun Keseksaan, manakala responden/tertuduh kedua dan ketiga dituduh di bawah s 302 Kanun yang sama.

[4] Responden/tertuduh pertama dikenakan hukuman penjara 7½ tahun berkuatkuasa dari tarikh ditangkap, manakala responden/tertuduh kedua dan ketiga masing-masing dikenakan hukuman penjara 11 tahun berkuatkuasa dari tarikh ditangkap.

[5] Tidak berpuashati dengan hukuman yang dikenakan pendakwa raya merayu ke atas hukuman-hukuman tersebut.

FAKTA KES/PENDAKWA/PERAYU

[6] Pada 10 Februari 2003 jam lebih kurang 11.30 malam, semasa Kpl Aluwi bin Hj Ali ('pengadu') sedang bertugas di pejabat pertanyaan Balai Polis Pasir Puteh, Ipoh telah menerima panggilan telefon daripada seorang lelaki Melayu yang tidak memberitahu butir-butir dirinya, memaklumkan terdapat seorang yang dipercayai telah mati dan berbau busuk di alamat No 35, Laluan Pengkalan Barat 6, Taman Puteri Lindungan Bulan, Pasir Puteh, Ipoh, Perak. Pengadu telah membuat laporan polis sebagaimana Pasir Puteh Report 704/2003 dan telah memaklumkan kepada Ketua Balai Polis, C/Insp Loh Tuck Kin. Siasatan kes ini telah dijalankan oleh pegawai penyiasat C/Insp Amrin bin Paiman dan kemudian diambil alih oleh C/Insp Chan Teck Paing.

[7] Pada 6 Februari 2003 lebih kurang jam 2 petang, Abdul Rahim bin Mohd Ali atau dikenali sebagai 'Ito' ('OKT 3') telah menelefon kawannya iaitu Baharudin bin Mat Lazim atau 'Uda' dan memberitahu beliau hendak ke rumah Mohd Shaifuldin bin Khairudin atau dikenali sebagai 'boy' ('OKT 2') kerana ibu OKT 2 hendak bercakap sesuatu. Selepas menerima panggilan talipon tersebut, Uda terus pergi ke Restoren Malaysia Raya di Pasir Puteh, Ipoh dengan menggunakan kereta No Pendaftaran AEQ 2816 Proton Iswara Aeroback warna kelabu untuk mengambil OKT 3. Kemudian OKT 3 dan Uda telah pergi ke rumah OKT 2 di Taman Salibin Ipoh.

[8] Sesampai di rumah OKT 2, beliau telah memperkenalkan OKT 3 dan Uda kepada ibunya iaitu Noor Hafidah bte Yeop Mat Isa ('OKT 1'). Dalam pertemuan tersebut, OKT 1 memberitahu OKT 2, OKT 3 dan Uda bahawa beliau bekerja di Miki Lounge, Jalan Yang Kalsom, Ipoh, OKT 1 memberitahu beliau tidak berpuas hati dengan seorang perempuan yang dikenali sebagai Sofi (Sa'adiah bte Wahid, si mati) yang bekerja di tempat yang sama kerana Sofi cuba mengawal pelanggan-pelanggan yang hebat di Miki Lounge tersebut. OKT 1 juga memberitahu Sofi ini banyak barang kemas dan wang tunai yang disimpan di rumahnya. OKT 1 menyuruh OKT 2, OKT 3 dan Uda mencederakan tangan, kaki dan badan Sofi serta kalau perlu bunuhnya kerana OKT 1 tidak mahu melihat Sofi berada di Miki Lounge lagi. Menurut OKT 1 selama ini Sofi telah banyak menyusahkan diri OKT 1. Selain itu bagi melaksanakan kerja tersebut, OKT 1 akan berusaha untuk memberi upah kepada mereka antara tiga hingga empat ribu ringgit. Kesemua OKT 2, OKT 3 dan Uda bersetuju untuk melakukan apa yang disuruh oleh OKT 1. Seterusnya OKT 1 memberitahu mereka supaya datang ke Miki Lounge pada malam tersebut bagi tujuan menunjukkan kepada OKT 2, OKT 3 dan Uda perempuan yang dimaksudkan oleh OKT 1.

[9] Pada malam berkenaan, lebih kurang jam 10 malam, OKT 2, OKT 3 dan juga Uda telah datang ke Miki Lounge tempat OKT 1 bekerja. Semasa berada di situ sambil melayan dengan memberi minuman, OKT 1 telah menunjukkan Sofi iaitu perempuan yang akan menjadi sasaran kepada OKT 2, OKT 3 dan Uda. Selepas mengenalpasii Soft, ketiga-tiga mereka pun beredar pulang.

[10] Pada keesokan harinya iaitu pada 7 Februari 2003, OKT 2 telah pergi mencari rumah Sofi di Taman Puteri Lindungan Bulan, Pasir Puteh, Ipoh berpandukan alamat yang diberi oleh OKT 1 dengan menggunakan motosikal kawan OKT 2. Selepas mengenalpasti rumah Sofi, OKT 2 telah menghubungi OKT 3 dan Uda. Pada hari tersebut, OKT 2, OKT 3 dan Uda telah pergi ke kawasan rumah Sofi dengan menggunakan kereta Uda iaitu AEQ 2816 tetapi tidak jadi melakukan apa-apa memandangkan terdapat sebuah kereta Proton Perdana V6 di hadapan rumah Sofi.

[11] Pada 8 Februari 2003, jam lebih kurang 12 tengahari, OKT 2, OKT 3 dan Uda sekali lagi pergi ke rumah Sofi dengan menggunakan kereta yang sama dan dipandu oleh Uda. Sesampai di rumah tersebut iaitu di No 35, Laluan Pengkalan Barat, Taman Puteri Lindungan Bulan pada jam lebih kurang 2 petang, Uda telah memberhentikan kereta di sebelah kanan jalan berhadapan rumah Sofi. OKT 2 dan OKT 3 telah keluar daripada kereta dan menuju ke rumah Sofi sementara Uda hanya diminta oleh OKT 2 dan OKT 3 supaya menunggu dalam kereta. OKT 2 kemudian mengetuk pintu rumah Sofi dan memberi salam. Setelah Sofi membuka pintu rumah, kedua-dua OKT 2 dan OKT 3 masuk ke dalam rumah. Setelah berbual seketika, OKT 2 telah menerkam ke arah Sofi dan telah berlaku pergelutan antara mereka. OKT 2 turut membantu OKT 1 dengan memegang kaki dan badan Sofi. OKT 2 telah menikam Sofi lebih kurang tiga hingga empat kali di bahagian perut, dada, leher dan belakang badan dengan sebilah pisau yang dibawa oleh OKT 2. OKT 2 turut menghentak kepala dan badan Sofi dengan kerusi meja solek dalam bilik rumah tersebut. Selepas Sofi tidak bergerak lagi, OKT 3 telah membuka dua rantai tangan emas dan satu rantai leher emas dari badan Sofi. OKT 2 turut mengambil gelang tangan tiga utas dan dua bentuk cincin dari Sofi. OKT 2 juga mengambil sebuah peti kecil daripada rumah Sofi. Kemudian OKT 3 telah keluar daripada rumah tersebut dan diikuti oleh OKT 2.

[12] Mereka terus masuk dalam kereta yang mana Uda sedia menunggu di hadapan rumah tersebut dan terus beredar dari tempat kejadian. Uda telah memandu kereta berkenaan menghala ke Cangkat Larang. Di jalan menghala ke Simpang Pulai, Uda memberhentikan kereta di sebuah ladang kelapa sawit di kawasan tersebut. Di ladang berkenaan, OKT 3 telah membuang baju yang dipakai di mana terdapat kesan darah. OKT 2 pula telah membuka peti yang diambil dari rumah Sofi dan apabila membukanya mendapati penuh dengan kertas-kertas sahaja lalu membuangnya di sana. Selepas itu mereka bertiga membersihkan diri dengan mandi di Lubuk Timah Simpang Pulai. Kemudian Uda telah menghantar OKT 2 dan OKT 3 ke rumah masing-masing.

[13] Pada 9 Februari 2003, jam lebih kurang 11 pagi Uda bersama OKT3 telah ambil OKT 2 di rumahnya dan pergi ke Jalan Chamberlin, Ipoh. Mereka telah

menjual barang-barang kemas yang disamun daripada rumah Sofi kepada seorang lelaki Cina dengan harga RM1,900. Hasil jualan barang kemas tersebut dibahagi antara mereka dengan seorang mendapat lebih kurang RM600.

[14] Bertindak atas maklumat, C/Insp Somu a/l Subramaniam telah menangkap OKT 1 dan OKT 3 pada 2 Ogos 2004 sebagaimana Manjoi Report 810/2006 dan Jelapang Report 2096/2004. Sementara OKT 2 telah ditahan selepas di bawa keluar pada 9.8.2004 daripada Penjara Taiping untuk siasatan lanjut oleh C/Insp Chan Teck Paing bersabit dengan kes ini.

[15] Hasil bedah siasat yang telah dijalankan oleh Dr Khairul Azman Hj Ibrahim pada 11 Februari 2003 di rumah mayat Hospital Ipoh Perak ke atas jenazah Sa'adiah bte Wahid KPT 660320-08-7066 mendapati sebab kematian ialah 'compression of neck' and 'stab injury on the neck'.

[16] Barang-barang kes ialah:

(i) PI — Izin & Rekuisisi;

(ii) P2 — Pasir Puteh Report No 704/03;

(iii) P3 1–50 — 50 keping gambar;
P3 IN-50N — 50 keping negatif tempat kejadian dan mayat;

(iv) P4 1–30 — 30 keping gambar mayat;
P4 IN-30N — 30 keping negatif;

(v) P5 A–D — 4 keping gambar pisau;
P5 AN-DN — 4 keping negatif;

(vi) P6 — Sampul bertanda R1;

(vii) P7 — Pisau dalam P6;

(viii) P8 — Sampul bertanda R2;

(ix) P9 — Pisau berulu kuning;

(x) P10 — Laporan post mortem;

(xi) PI 1A–E — 5 keping gambar kereta AAQ 2816.

Responden/tertuduh pertama hingga ketiga mengakui betul fakta kes dan barang-barang kes.

[17] Mahkamah mendapati kesemua responden/tertuduh bersalah dan disabitkan.

[18] Peguam responden/tertuduh pertama mengemukakan 'plea in mitigation' bertulis lampiran 24. Intipati yang penting yang dikemukakan ialah:

(i) Responden/tertuduh mengaku salah atas pertuduhan pindaan di bawah ss 109 dan 304(a) Kanun Keseksaan. Selepas sembilan orang saksi memberi keterangan di bawah pertuduhan asal bawah Seksyen 109 dan 302 Kanun Keseksaan.

(ii) Peranan responden/tertuduh dalam kes ini adalah terhad.

(iii) Responden/tertuduh dilahirkan pada 24 April 1960 di Grik, Perak. Mula berkahwin pada usia 14 tahun dengan Khairudin seorang pekerja JKR pada tahun 1974. Mendapat tiga orang anak. Bercerai pada tahun 1979.

(iv) Pada tahun 1980 berkahwin dengan Hashim seorang pegawai buruh di Ipoh. Mendapat enam orang anak. Yang kecil berumur sembilan tahun.

(v) Pada 3 Ogos 2004, responden/tertuduh ditangkap. Suaminya meninggal dunia pada bulan Februari 2005 semasa responden/tertuduh direman di penjara. Tak dapat ziarah arwah suami di hospital dan juga pada masa pengkebumian.

(vi) Keluarga mengalami kesusahan apabila responden/tertuduh ditangkap dan semasa suami sakit. Anak kecilnya merana.

(vii) Anak-anak dalam perkahwinan pertamanya terbiar.

(viii) Si mati (mangsa) adalah kawan baik responden/tertuduh.

(ix) Responden/tertuduh adalah mangsa keadaan.

(x) Responden/tertuduh adalah pesalah pertama.

(xi) Yang membunuh mangsa adalah anak lelaki responden/tertuduh, Ito dan SP7.

(xii) Beliau tidak mengetahui pembunuhan itu berdasarkan percakapan beramarannya di bawah s 113 yang dilampirkan bersama lampiran 24.

[19] Dalam Mitigasi, Peguam responden/tertuduh 2 menghujahkan:

(i) Tertuduh 2 berumur 26 tahun.

(ii) Tertuduh bekerja sebagai penarik kereta dengan pendapatan RM700.

(iii) Masih bujang.

(iv) Semasa reman, dapat rawatan psikologi.

(v) Ada satu rekod kesalahan lampau bawah s 376 Kanun Keseksaan pada tahun 2002.

(vi) Dia mengaku salah.

(vii) Kesal dan insaf apa yang berlaku.

(viii) Kesalahan pertama di bawah s 304 Kanun Keseksaan.

(ix) Diskaun perlu diberi berdasarkan kes-kes *Lian Kian Boon v Public Prosecutor* [1991] 1 MLJ 51.

(x) Tertuduh 2 melakukan kesalahan ini untuk membantu ibunya tertuduh 1.

[20] Peguam responden/tertuduh 3 pula dalam mitigasi menghujahkan bahawa:

(i) Tertuduh 3 berumur 29 tahun.

(ii) Berumah tangga 2 kali. Dengan isteri pertama dapat 3 orang anak masing-masing berumur 10 tahun, 8 tahun dan 3 tahun. Dengan isteri kedua, dia juga mendapat 3 orang anak.

(iii) Kerja berniaga sebelum ditangkap.

(iv) Isteri (Kedua) sekarang ini bekerja kilang dengan pendapatan RM400.00 sebulan.

(v) Tertuduh 3 tak berfikir panjang sebelum melakukan kesalahan ini. Kesal dan insaf apa yang telah berlaku.

(vi) Kesalahan ini memberi kesan kepada keluarga. Anak- anaknya tak dapat kasih sayang.

(vii) Tertuduh 3 ditahan dari tarikh ditangkap.

(viii) Tertuduh 3 mengaku salah. la menjimatkan masa dan kos.

(ix) Tertuduh 3 ada kesalahan lampau mengenai dadah dan tak sejenis dengan kesalahan bunuh.

(x) Pohon hukuman ringan.

PENGHUJAHAN PERAYU/PENDAKWA RAYA

[21] Pohon hukuman berat. Kesalahan adalah serius. Violen digunakan. Keputusan kes-kes *Public Prosecutor v Leo Say & Ors* [1988] CLJ 688 dan *Chandra Sekaran a/l Ramiyah & Anor v Public Prosecutor* [2000] 3 MLJ 649 dirujuk.

[22] Tertuduh pertama tiada rekod jenayah. Tertuduh kedua ada empat rekod jenayah (eksh P12). Tertuduh ketiga ada tiga rekod jenayah (eksh P13).

KEDUDUKAN UNDANG-UNDANG

[23] Seksyen 304(a) Kanun Keseksaan memperuntukkan seperti berikut:

> Whoever commits culpable homicide not amounting to murder shall be punished —
>
> (a) with imprisonment for a term which may extend to twenty years, and shall also be liable to fine if the act by which the death is caused is done with the intention of causing death, or causing such bodily injury as is likely to cause death.

[24] Seksyen 109 Kanun Keseksaan memperuntukan:

> Whoever abets any offence shall, if the act abetted is committed in consequence of the abetment, and no express provision is made by this code for the punishment of such abetment be punished with the punishment provided for the offence.

[25] Menurut prinsip penghukuman, faktor kepentingan awam merupakan faktor utama yang perlu diambil kira. Lihat *R v Ball* 35 Cr App R 164:

> The court does not alter a sentence which is the subject of an appeal merely because the members of the court might have passed a different sentence. The trial judge had seen the prisoner, and heard his story and any witnesses to character he may have chosen to call. It is only when a sentence appears to err in principle that this court will alter it. The first and foremost is the public interest.
>
> The object of punishing crime is not only to punish the offender but also to deter others. Public interest is best served, if the offender is induced to turn from criminal ways to honest

living. Our law does not therefore fix the sentence for a particular crime, but fixes a maximum sentence and leaves it to court to decide what is appropriate sentence in the particular circumstances of each case. It is for these reasons that evidence of antecedents and character should be taken before sentence in respect of each convicted person

[26] Dalam kes Mahkamah Rayuan *Chandra Sekaran a/l Ramiyah & Anor v Public Prosecutor* [2000] 3 MLJ 649 memutuskan bahawa:

Hukuman adalah tertakluk kepada budi bicara mahkamah perbicaraan. Sehingga dapat dibuktikan bahawa hakim perbicaraan tidak menggunakan prinsip-prinsip hukuman yang betul, suatu mahkamah rayuan tidak akan campur tangan. Selain dari kepentingan pesalah, hakim mestilah mempertimbangkan kepentingan awam juga untuk membuat pertimbangan yang seimbang.

[27] YAA Hakim Hashim Yeop A Sani dalam kes *Public Prosecutor v Loo Choon Fatt* [1976] 2 MLJ 256 di ms 258 mengatakan:

to strike a balance, as far as possible between the interests of the public and the interests of the accused.

[28] Sebagai perbandingan, di sini diperturunkan beberapa kes ss 302/304 Kanun Keseksaan dilaporkan:

Bil	Nama Kes	Kesalahan	Hukuman
1	*PP v Ravindran & Ors* [1993] 1 MLJ 45	s 302 dipinda kepada s 304 KK	8 ½ tahun penjara dari tarikh tangkap.
2	*PP v Tay Chuan Beng & Anor* [1989] 1 MLJ 403	s 302 dipinda kepada s 304 KK	8 tahun penjara dari tarikh tangkap.
3	*Nandakumar a/l Govindasamy v PP* [1999] 1 MLJ 613	s 302 dipinda kepada s 304 KK	15 tahun penjara kepada 12 tahun penjara dari tarikh tangkap atas rayuan.
4	*Chandra Sekaran a/l Ramiyah & Anor v PP* [2000] 3 MLJ 649	s 302 Kanun Keseksaan atas rayuan dikurangkan kepada s 304 KK.	Mati dipinda kepada 12 tahun penjara dari tarikh tangkap.
5	*PP v Nasir bin Malik* [1995] 3 MLJ 637	s 302 KK dipinda kepada s 304 KK.	12 tahun penjara dari tarikh tangkap.
6	*PP v Edmund Jammy Ngali & Anor* [1995] 4 MLJ 641	302 KK dipinda kepada s 307 KK terhadap tertuduh pertama	Lepas bebas bawah s 302 KK.
7	*PP v Saiful Afikin bin Mohd Firus* [1996] 4 MLJ 309	s 302 KK dipinda kepada s 304 (first limb) KK.	Ke Sekolah Henry Gurney (Juvana)
8	*PP v Soo Tai Eng* [2005] 7 CLJ 218	s 302 KK dipinda kepada s 304 KK.	8 tahun penjara dari tarikh tangkap.
9	*Ganesan a/l Nachiappan & Ors v PP* [2000] 3 MLJ 244	s 302 KK dipinda kepada s 304 KK	14 tahun penjara dari tarikh tangkap.

10	*PP v Tai You Choy* [1982] CLJ 78	s 302 KK dipinda kepada s 304 KK	8 tahun penjara dari tarikh tangkap.
11	*PP v Tunku Mahmood Iskandar* [1977] 2 MLJ 123	s 304 KK	6 bulan penjara dari tarikh tangkap denda RM6,000.
12	*PP v Selvraj Subramaniam* [1985] 2 MLJ 190	s 304 KK	8 tahun penjara dari tarikh tangkap.
13	*PP v Soh Soo Yang & Anor* [2001] 5 MLJ 356	s 304 KK	Tertuduh pertama — 13 tahun penjara. Tertuduh kedua — 9 tahun penjara dari tarikh tangkap
14	*Yit Kean Hong v PP* [2005] 4 CLJ 592	ss 302 dan 307 KK dipinda kepada s 304 KK	15 tahun penjara dari tarikh tangkap. Kedua-dua pertuduhan bawah ss 304 dan 307 KK dan berjalan serentak.

PENDAPAT MAHKAMAH

[29] Pendapat mahkamah adalah seperti berikut:

(i) Faktor kepentingan awam adalah asas kepada penghukuman.

(ii) Kesalahan yang dilakukan oleh responden/tertuduh pertama hingga ketiga adalah serius.

(iii) Perayu meminda pertuduhan dari ss 302/109 Kanun Keseksaan kepada ss 304(a)/109 Kanun Keseksaan terhadap responden/tertuduh pertama dan s 304(a) Kanun Keseksaan terhadap responden/tertuduh kedua dan ketiga selepas sembilan orang saksi memberi keterangan.

(iv) Responden/tertuduh pertama hingga ketiga mengaku salah pada tarikh pertama pertuduhan yang lebih ringan dikemukakan.

(v) Masa mahkamah tidak terbuang dan kos kerajaan dapat dijimatkan.

(vi) Responden/tertuduh pertama hingga ketiga memberi kerjasama penuh kepada pihak polis.

(vii) Responden/tertuduh pertama hingga ketiga adalah dari keluarga miskin dan latar belakang yang susah.

(viii) Suami kedua responden/tertuduh pertama meninggal dunia ketika beliau direman di penjara iaitu pada bulan Februari 2005.

(ix) Responden/tertuduh pertama tiada rekod kesalahan lampau sebelum kesalahan ini. Seksyen 294 Kanun Acara Jenayah dirujuk.

(x) Meskipun responden/tertuduh kedua dan ketiga ada kesalahan lampau, ia bukan kesalahan di bawah s 304 Kanun Keseksaan.

(xi) Penghukuman perlu mencerminkan hukuman yang setimpal agar bakal pesalah dapat dielak untuk melakukan kesalahan yang sama.

(xii) Latar belakang responden/tertuduh pertama dan penglibatannya dalam kes ini adalah terhad.

(xiii) SP7 adalah rakan sejenayah. Keterangannya perlu diteliti dengan berhati-hati. Keterangannya perlu disokong. Sebelum menerima keterangan SP7 hakim akan memberi amaran kepada dirinya sendiri betapa berat keterangan rakan sejenayah boleh diterima tanpa sokongan. Pada kebiasaannya, mahkamah tidak akan menerima keterangan rakan sejenayah tanpa sokongan. Kes Mahkamah Agung *Ng Yau Thai v Public Prosecutor* [1987] 2 MLJ 214 dan kes Mahkamah Persekutuan Yap Ee Kang & Anor v PP [1986] 1 MLJ 44 dirujuk dan diikut.

(xiv) Responden/tertuduh pertama adalah seorang perempuan yang lemah dan daif.

(xv) Anak responden/tertuduh pertama iaitu Shaifuldin responden/tertuduh kedua memberitahu ibunya tidak terlibat membunuh.

(xvi) Responden/tertuduh kedua dan ketiga insaf dan meminta hukuman yang ringan.

[30] Berdasarkan kepada faktor-faktor yang dinyatakan di atas, mahkamah mengenakan hukuman penjara selama 7½ tahun ke atas responden/tertuduh pertama berkuatkuasa dari tarikh ia ditangkap, dan terhadap responden/tertuduh kedua dan ketiga, 11 tahun dari tarikh ditangkap terhadap responden/tertuduh kedua dan ketiga.

[31] Mahkamah berpendapat hukuman yang dikenakan adalah munasabah dan wajar tidak melampau atau tidak terlalu ringan.

Hukuman disahkan.

Reported by Loo Lai Mee